



Singapore Examinations and Assessment Board

---

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Advanced Level (2026)**

**H2 Malay Language and Literature  
Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2  
(Syllabus 9576)**

# KANDUNGAN

---

	<i>Halaman</i>
<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>OBJEKTIF PENILAIAN</b>	<b>4</b>
<b>FORMAT PEPERIKSAAN</b>	<b>5</b>
<b>JADUAL PENGKHUSUSAN</b>	<b>7</b>
<b>RUBRIK PEMARKAHAN</b>	<b>9</b>

---

## **TUJUAN**

---

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 2021 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pengajian prauniversiti kursus Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 GCE Peringkat Lanjutan, pelajar harus berupaya:

### **BAHASA**

- (a) mentafsirkan dan menilai maklumat dan perincian penting dalam teks lisan dan tulisan tentang pelbagai topik dengan menggunakan bahasa yang baku;
- (b) membuat kesimpulan yang jitu tentang sesuatu teks dan mengaitkannya dengan pengalaman pelajar;
- (c) melahirkan, menyampaikan dan bertukar-tukar pandangan dengan jelas dan berstruktur menggunakan lensa yang berbeza tentang pelbagai topik semasa berkomunikasi;
- (d) menggunakan beberapa strategi yang sesuai untuk menulis esei naratif dengan jelas dan tersusun untuk menggambarkan peristiwa dan pengalaman atau menulis esei perbincangan yang mampu memperkukuh sudut pandangan dengan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang wajar;
- (e) memberikan komen tentang pelbagai topik di luar bidang mereka dan dapat menyampaikan pendapat mereka dengan ringkas, padat dan jitu;

### **KESUSASTERAAN**

- (f) menyelami teks dan mengaitkan diri mereka dengan pelbagai teks serta membuat renungan berdasarkan pengalaman hidup mereka;
- (g) memahami unsur-unsur kesusasteraan dalam genre yang berbeza, mengapresiasi nilai estetik teks dan penggunaan gaya bahasa penulis dengan minda yang perseptif dan ingin tahu;
- (h) menganalisis gagasan utama dan persoalan-persoalan dalam kesemua teks dan meneroka kepentingan sesuatu teks itu terhadap masyarakat dan dunia;
- (i) memahami teks dengan membuat kaitan antara konteks yang terdapat dalam teks dengan dunia tempat tinggal mereka. Mereka boleh membuat renungan tentang pegangan nilai, perspektif dan identiti mereka dan meningkatkan kesedaran menerusi lensa yang berbeza-beza;
- (j) mengkonsepkan maksud melalui penulisan, menggambarkan peristiwa dan pengalaman serta menyampaikan pandangan mereka dengan bukti-bukti, alasan-alasan dan hujahan, dan juga menggabungkan dan menyampaikan respons mereka kepada orang lain; dan
- (k) dapat mencipta karya-karya asli dengan gaya penulisan dan pendekatan mereka tersendiri.

## **OBJEKTIF PENILAIAN**

---

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan pelajar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 Peringkat Lanjutan, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) menulis esei yang tersusun untuk menggambarkan acara dan pengalaman atau esei yang mampu memperkukuh sudut pandangan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang relevan;
- (b) menunjukkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dan memberikan respons yang sesuai dan jelas;
- (c) memberikan respons terhadap aspek tatabahasa dan kosa kata;
- (d) memberikan maklum balas terhadap topik-topik yang baharu bagi pelajar dan menjelaskan sudut pandangan melalui forum, blog dan sebagainya;
- (e) membuat inferens berdasarkan penelitian teks yang pelbagai dan membuat ulasan terhadap jenis-jenis teks yang berbeza seperti puisi, lidah pengarang dan sebagainya;
- (f) mengenal pasti kandungan teks sastera daripada pelbagai genre dan menganalisisnya berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan;
- (g) memberikan respons secara analitik, kritikal dan kreatif terhadap bahan sastera; dan
- (h) membandingkan bahan sastera berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan.

## **FORMAT PEPERIKSAAN**

---

Format peperiksaan bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

### **KERTAS 1 (e-Peperiksaan): KARANGAN (1 jam 15 minit: 35 markah)**

Kertas 1 terdapat satu bahagian sahaja.

Calon dikehendaki untuk menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan tentang salah satu topik yang diberikan. Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan.

### **KERTAS 2 (e-Peperiksaan): KEFAHAMAN (1 jam 45 min: 65 markah)**

Kertas 2 terbahagi kepada dua bahagian.

- **Bahagian A: Kefahaman dan Kosa Kata (32 markah)**  
Calon dikehendaki untuk menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.
- **Bahagian B: Kefahaman dan Komentari (33 markah)**  
Calon dikehendaki untuk menjawab tiga soalan kefahaman dan menulis komentari yang panjangnya tidak melebihi 160 patah perkataan berdasarkan dua teks sumber yang diberikan.

### **KERTAS 3: KESUSASTERAAN (3 jam: 100 markah)**

Kertas 3 terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A (Novel dan Cerpen), Bahagian B (Puisi Tradisional dan Moden), Bahagian C (Drama) dan Bahagian D (Analisis Teks Bebas). Calon dikehendaki untuk menjawab empat soalan kesemuanya; SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Soalan-soalan dalam kertas ini berbentuk *open book*. Calon dibenarkan untuk merujuk kepada buku-buku teks yang telah ditetapkan.

## BUKU TEKS YANG DITETAPKAN

### BAHAGIAN A: NOVEL DAN CERPEN

#### NOVEL

**Batas Langit (Edisi Pelajar)** oleh Mohamed Latiff Mohamed, Angkatan Sasterawan '50, 2021

#### CERPEN

**Antologi Titik Pertemuan**, Angkatan Sasterawan '50, 2021

- **Yang** oleh Jamal Ismail
- **Angin Timur Angin Barat** oleh Shahnnon Ahmad
- **Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti** oleh Basiran Haji Hamzah
- **Tulang Pekasam Ikan Puyu** oleh Azizi Haji Abdullah
- **Jago** oleh Ahmad Jaaffar Munasip

### BAHAGIAN B: PUISI TRADISIONAL DAN MODEN

**Antologi Titik Pertemuan**, Angkatan Sasterawan '50, 2021

- **Orang-orang Miskin** oleh W.S. Rendra
- **Guru Oh Guru** oleh Usman Awang
- **Ini Nasi Yang Kusuap** oleh Masuri S. N.
- **Betapapun Gerak Cepat Kehidupan akan Kususuri Landasan ini** oleh Ahmad Mohd Tahir
- **Jerebu** oleh Rasiah Halil
- **Anak Tetangga Kelantan Lane** oleh Kamaria Buang
- **Syair Nasib Melayu** oleh Tenas Effendy
- **Syair Singapura Terbakar** oleh Abdullah Munsyi
- **Syair Siti Zubaidah**

### BAHAGIAN C: DRAMA

**Antologi Titik Pertemuan**, Angkatan Sasterawan '50, 2021

- **Anjing Untuk Diplomat** oleh Hamed Ismail
- **Terbelunggu** oleh Amanah Mustafi
- **Titik Pertemuan** oleh Rohman Munasip

### BAHAGIAN D: ANALISIS TEKS

**Analisis Teks Bebas**

## JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Catatan
<b>1</b> <b>(e-Peperiksaan)</b> (1 jam 15 minit)	<b>Karangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Naratif</li> <li>• Deskriptif</li> <li>• Argumentatif</li> <li>• Rangsangan Grafik</li> </ul>	Respons bebas	4 (1)	35 (17.5%)	Calon dikehendaki untuk menulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan.  Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan.
<b>2</b> <b>(e-Peperiksaan)</b> (1 jam 45 minit)	<b>Kefahaman</b> <u>Bahagian A</u> Kefahaman dan Kosa Kata	Respons bebas	5 (5)	32 (16%)	Calon dikehendaki untuk menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman dan Komentari	Respons bebas	4 (4)	33 (16.5%)	Calon dikehendaki untuk menjawab tiga soalan kefahaman berdasarkan dua teks sumber.  Calon dikehendaki untuk menulis komentari yang panjangnya tidak melebihi 160 patah perkataan berdasarkan dua teks sumber.
	<i>Subtotal</i>		<i>13 (10)</i>	<i>100 (50%)</i>	

<b>Kertas (Masa)</b>	<b>Komponen</b>	<b>Jenis Item</b>	<b>Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)</b>	<b>Markah (Timbangan)</b>	<b>Catatan</b>
<b>3</b> (3 jam)	<b>Kesusasteraan</b> <u>Bahagian A</u> Novel dan Cerpen	Respons bebas	2 (1)	25 (12.5%)	Calon dikehendaki untuk menjawab empat soalan; satu soalan daripada setiap bahagian.
	<u>Bahagian B</u> Puisi Tradisional dan Moden	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	<u>Bahagian C</u> Drama	Respons bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	<u>Bahagian D</u> Analisis Teks	Respons bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	<i>Subtotal</i>		<b>8 (4)</b>	<b>100 (50%)</b>	
	<b>Total</b>		<b>21 (14)</b>	<b>200 (100%)</b>	



# **RUBRIK PEMARKAHAN**

**KERTAS 1 (KARANGAN)**

ISI: 17 markah

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	14 – 17	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi sangat relevan</li> <li>• isi amat mencukupi</li> <li>• isi sangat menarik</li> <li>• isi diperluas dengan baik sekali dan meyakinkan</li> <li>• keaslian dalam penulisan</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul> <p><i>(Hasil kerja calon dalam band ini hendaklah menunjukkan perincian yang bermakna atau maklumat yang luas atau ilustrasi yang sesuai.)</i></p>
2 (ATAS)	11 – 13	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi sangat relevan</li> <li>• isi mencukupi</li> <li>• isi menarik</li> <li>• isi diperluas dengan baik dan meyakinkan</li> <li>• keaslian dalam penulisan</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul> <p><i>(Kebanyakan hasil kerja calon dalam band ini boleh jadi panjang, logik, tersusun rapi tetapi tidak banyak yang menarik (original), yang lain mungkin menarik (original) tetapi tidak dapat bertahan atau seimbang seperti skrip-skrip Band 1.)</i></p>
2 (BAWAH)	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi relevan</li> <li>• isi mencukupi</li> <li>• kebanyakan isi diperluas dan meyakinkan</li> <li>• masih menarik/masih asli</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul>
3 (ATAS)	6 – 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi masih relevan</li> <li>• isi memadai</li> <li>• isi tidak banyak diperluas dengan baik</li> <li>• penulisan tidak begitu menarik/tidak begitu asli</li> <li>• kurang imaginatif dan kreatif</li> </ul>
3 (BAWAH)	4 – 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi kurang relevan</li> <li>• isi tidak mencukupi</li> <li>• isi tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan</li> <li>• penulisan tidak menarik/tidak asli</li> <li>• tidak imaginatif dan kreatif/idea terputus-putus dan tidak dapat disampaikan dengan jelas serta terdapat kesamaran</li> </ul>
4	1 – 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• isi kurang relevan, kabur dan samar</li> <li>• isi tidak mencukupi dan sangat cetek</li> <li>• isi tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan</li> <li>• penulisan tidak menarik/tidak asli</li> <li>• tidak imaginatif dan kreatif/idea terputus-putus dan tidak dapat disampaikan dengan jelas serta terdapat kesamaran</li> </ul>

**BAHASA: 18 markah**

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	15 – 18	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerenggan amat baik</li> <li>• kebolehan linguistik cemerlang</li> <li>• tidak terdapat kesilapan besar, sedikit sekali kesilapan kecil</li> <li>• menunjukkan kejituan dan kepelbagaian kosa kata</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat tepat dan cemerlang</li> </ul>
2 (ATAS)	12 – 14	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerenggan baik</li> <li>• kebolehan linguistik sangat baik</li> <li>• terdapat sedikit kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• kepelbagaian kosa kata</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat yang tepat tetapi tidak semestinya cemerlang</li> </ul>
2 (BAWAH)	10 – 11	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerenggan memadai</li> <li>• kebolehan linguistik baik</li> <li>• terdapat beberapa kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• kepelbagaian kosa kata terhad</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks yang bebas daripada ulangan yang membosankan/struktur ayat sederhana sahaja</li> </ul>
3 (ATAS)	7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerenggan sederhana</li> <li>• kebolehan linguistik sederhana</li> <li>• terdapat agak banyak kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• penggunaan kosa kata terhad</li> <li>• ayat pada umumnya pendek; terdapat beberapa ayat kompleks</li> </ul>
3 (BAWAH)	5 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pemerenggan lemah</li> <li>• kebolehan linguistik lemah</li> <li>• banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• terdapat kesilapan dalam kosa kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah</li> <li>• bahasa dan struktur ayat mudah-mudah sahaja/struktur ayat yang tidak lengkap</li> </ul>
4	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pemerenggan amat lemah</li> <li>• kebolehan linguistik amat lemah</li> <li>• banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• banyak kesilapan dalam pelbagai kosa kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah</li> <li>• banyak kesilapan dalam pelbagai aspek</li> </ul>

**KERTAS 2 (KOMENTARI)****ISI: 10 markah**

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sangat relevan</li> <li>• mencukupi</li> <li>• isi diperluas dengan baik dan meyakinkan</li> </ul>
2	4 – 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• relevan</li> <li>• agak mencukupi</li> <li>• isi diperluas tetapi kurang meyakinkan</li> </ul>
3	1 – 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kurang relevan</li> <li>• tidak mencukupi</li> <li>• isi tidak diperluas</li> </ul>

**BAHASA: 5 markah**

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tersusun rapi dan pemerengganannya amat baik</li> <li>• kebolehan linguistik amat baik</li> <li>• tidak mengandungi kesalahan tatabahasa</li> <li>• kepelbagaian yang luas dari segi penggunaan kosa kata yang sesuai, struktur ayat dan penanda wacana</li> </ul>
2	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerengganannya baik</li> <li>• kebolehan linguistik baik</li> <li>• terdapat sedikit kesalahan tatabahasa</li> <li>• kosa kata, struktur ayat dan penanda wacana sesuai tetapi tidak semestinya menonjol</li> </ul>
3	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunannya munasabah dan terdapat pemerenggan</li> <li>• kebolehan linguistik lemah</li> <li>• terdapat banyak kesalahan tatabahasa</li> <li>• kosa kata, struktur ayat dan penanda wacana kurang sesuai</li> </ul>

**KERTAS 3 (KESUSASTERAAN)**

<b>BAND</b>	<b>PENERANGAN</b>
<p style="text-align: center;"><b>1</b> <b>(22 – 25)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jawapan yang cemerlang; menunjukkan diskriminasi dan kadangkala keaslian dalam membuat respons yang kritikal terhadap teks</li> <li>• membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>• menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus pada soalan dan isu penting yang dibincangkan</li> <li>• mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan terperinci dan padat serta memberikan isi yang amat relevan</li> <li>• menunjukkan pemahaman yang sofistikated terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>• memberikan sokongan yang terperinci dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritikal dengan tepat</li> <li>• jawapan dalam band ini merupakan jawapan yang sensitif dan tajam daya tanggapan terhadap soalan serta dari sudut peribadi; jawapan biasanya halus, ringkas lagi padat, sofistikated dengan menggunakan gaya yang lancar dan dapat mengutarakan idea yang kompleks</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>2</b> <b>(ATAS)</b> <b>(18 – 21)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jawapan yang baik; menunjukkan respons peribadi yang kritikal dan berpengetahuan terhadap teks</li> <li>• membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>• menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus pada soalan dan isu penting yang dibincangkan</li> <li>• mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan padat dan memberikan isi yang amat relevan</li> <li>• menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>• memberikan sokongan yang terperinci dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan beberapa peristilahan yang kritikal dengan tepat</li> <li>• menggunakan gaya yang sentiasa jelas dan selalunya fasih; dapat memberikan ungkapan yang tepat bagi idea yang kompleks</li> </ul>

<b>BAND</b>	<b>PENERANGAN</b>
<p style="text-align: center;"><b>2</b> <b>(BAWAH)</b> <b>(14 – 17)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jawapan yang memuaskan; menunjukkan respons peribadi yang kritikal dan berpengetahuan terhadap teks</li> <li>• membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>• menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis</li> <li>• mengembangkan respons terhadap soalan dengan teratur</li> <li>• menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konteks teks yang diuji - dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>• memberikan sokongan yang sesuai daripada teks, sama ada terlalu banyak atau sedikit, menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritikal dengan tepat</li> <li>• jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang efektif untuk mengetengahkan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks dan isu yang diketengahkan oleh teks dan soalan; terdapat kesilapan kecil</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>3</b> <b>(ATAS)</b> <b>(10 – 13)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jawapan yang agak memuaskan, menunjukkan pengetahuan dan respons peribadi calon terhadap teks</li> <li>• membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>• respons yang diberikan kebanyakannya tentang cerita/teks dalam bentuk naratif tetapi ada percubaan untuk menilai kesan penggunaan bentuk dan bahasa penulis; berkemungkinan mengandungi sedikit kesilapan</li> <li>• memberikan respons kepada soalan; kebanyakan masa menggunakan struktur yang mudah; mengandungi sedikit penyimpangan</li> <li>• kadangkala menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji - dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>• isi yang diberikan disokong dengan contoh daripada teks, nukilan dan parafrasa yang kebanyakannya sesuai; kemungkinan menggunakan peristilahan yang kritikal tetapi kadangkala terdapat kesilapan</li> <li>• jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang biasa untuk mengemukakan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks; isu/isi yang dikemukakan agak kabur</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>3</b> <b>(BAWAH)</b> <b>(6 – 9)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jawapan agak genjut; cuba memberikan respons terhadap teks dan menunjukkan pengetahuan terhadap teks tersebut</li> <li>• membuat rujukan yang sesuai terhadap penggunaan bentuk, struktur dan bahasa penulis untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>• terdapat percubaan untuk menilai kesan penggunaan bentuk dan bahasa penulis; berkemungkinan mengandungi sedikit kesilapan</li> <li>• memberikan respons yang sesuai pada mulanya tetapi kemudiannya menyimpang</li> <li>• kadangkala menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>• isi yang diberikan disokong dengan contoh daripada teks; kebanyakannya bergantung pada pernyataan yang diulang; kadangkala menggunakan terlalu banyak nukilan dan parafrasa yang berkemungkinan kurang sesuai</li> <li>• jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang mudah untuk menyampaikan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks; isu/isi yang dikemukakan agak kabur</li> </ul>

<b>BAND</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>4 (1 – 5)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• terdapat percubaan untuk menjawab soalan tetapi merupakan percubaan yang terlalu mudah</li><li>• jawapan yang diberikan singkat, tidak diolah dan merupakan jawapan berbentuk poin dan bukan yang berbentuk prosa</li><li>• pernyataan idea mudah, banyak kesilapan teknikal dan jawapan berbentuk naratif dan bukannya analitikal; namun, kadangkala penerangan yang diberikan bermakna</li></ul>